Experts

Jejak Silat di Pahang: Warisan yang Mengalir Bersama Zaman

Tue, 11/04/2025 - 10:23

Buku ‘Jejak Silat: Menyusuri Sungai Pahang’ karya Mohd Azam Muhamad Akhir dan Zulkefli Hussin merupakan sebuah dokumentasi penting yang menghimpunkan sejarah, perkembangan, dan warisan seni silat di negeri Pahang khususnya di sepanjang aliran Sungai Pahang. Karya ini bukan sekadar buku sejarah, tetapi juga cerminan terhadap perjalanan identiti Melayu yang berakar pada nilai kepahlawanan, adab, dan budaya.

Buku ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Yang Berhormat Senator Dato’ Setia Dr. Mohd Na’im Haji Mokhtar, bersempena dengan program *The 3rd International Conference On Humanities and Civilisations (i-CONSCIENCE 25)* yang berlangsung pada 9 September 2025. Pelancaran tersebut menandakan pengiktirafan terhadap usaha para penulis dalam memartabatkan warisan budaya tak ketara bangsa Melayu melalui dokumentasi ilmiah yang bernilai tinggi.



Silat, seperti yang dihuraikan di dalam buku ini, bukan sekadar ilmu bela diri. Ia adalah falsafah hidup yang membentuk peribadi manusia Melayu sejak berabad lamanya. Sejarah menunjukkan bahawa silat sudah pun wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan tersebar ke seluruh Alam Melayu, termasuk Indonesia, Brunei, dan Singapura. Di Pahang, silat berkembang subur hasil percampuran budaya antara etnik Minangkabau, Bugis, Jawa dan tempatan, menjadikannya unik dari segi gerak, tari dan falsafahnya.

Sungai Pahang, sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia menjadi nadi utama dalam penyebaran ilmu persilatan. Sebelum wujudnya jalan raya moden, sungai ini menghubungkan kampung dan daerah dari Pekan hingga ke Hulu Tembeling. Di sepanjang tebing sungai inilah lahir tokoh-tokoh silat hebat seperti Tok Gajah, Dato' Bahaman dan Mat Kilau, yang bukan sahaja pendekar di gelanggang, tetapi juga pahlawan dalam perjuangan menentang penjajah. Sungai ini bukan sekadar laluan air, tetapi juga saluran ilmu, budaya dan semangat perjuangan bangsa.

Buku ini membawa pembaca menelusuri jejak silat dari Pekan, Maran, Temerloh, Jerantut hingga ke Kuala Lipis. Setiap daerah menyimpan kisah perguruan dan guru silat tersendiri yang diwarisi turun-

temurun. Antara nama besar yang dirakamkan termasuklah Abdul Wahab Abd Rahman (Silat Cekak Terlak Lintau Spedo), Ahmad Rudaini Abdul Manan (Silat Gayang Terlak), Amzah Aman (Silat Cekak Terlak), Haji Salehuddin Yaacob (Silat Tari Lenggang Mak Janda) serta Azahari Adam (Silat Pulut Pahang). Setiap satu mewakili cabang ilmu yang berbeza, namun bersatu dalam satu akar budaya Silat Melayu Pahang.

Menariknya, buku ini menonjolkan bagaimana seni silat bukan hanya seni tempur, tetapi juga seni persembahan yang sarat makna dan simbolisme. Gerak tari seperti lenggang mak janda, tebar jala, merbah berlaga, dan helang berlegar bukan sekadar hiasan mata, tetapi membawa falsafah tentang keseimbangan, adab dan ketertiban. Dalam setiap gerakan tersembunyi pengajaran tentang hubungan manusia dengan alam dan penciptanya sebagai mana dijelaskan dalam Silat Terlak Tari yang menggambarkan tangan menjulur ke langit sebagai tanda kebergantungan kepada Yang Maha Esa.

Tokoh seperti Haji Salehuddin Yaacob telah mempopularkan Silat Tari Lenggang Mak Janda hingga ke peringkat antarabangsa. Persembahan beliau di Belanda pada tahun 2017 menunjukkan bahawa seni silat bukan sekadar warisan tempatan, tetapi juga aset budaya yang mampu menembusi sempadan dunia. Begitu juga dengan Norhamizan Abd Rahman, pewaris Silat Kalimah Pendekar Endol, yang menekankan disiplin rohani dalam pengajaran silatnya memastikan anak murid tidak hanya kuat jasmani tetapi juga mantap rohaninya.

Karya ini turut menyorot perjalanan Yusuf Mohamad, peneraju Persatuan Seni Silat Gayong Pelangi dan Silat Pedang Pahang, serta Zulkefli Hussin dari Persatuan Seni Silat Senaman Gerak Sentuhan Kuantan. Kedua-duanya melambangkan kesinambungan generasi baharu yang berperanan menghidupkan semula minat masyarakat terhadap silat melalui pendekatan pendidikan dan olahraga moden tanpa menjejaskan nilai tradisinya.

Dari sudut penulisan, Jejak Silat: Menyusuri Sungai Pahang menyerlah kerana menggunakan pendekatan dokumentasi lisan menghimpunkan kisah sebenar daripada guru-guru silat yang masih hidup. Ini menjadikan buku ini bukan sekadar bahan bacaan, tetapi juga rujukan penting untuk penyelidik, pelajar dan penggiat budaya. Setiap tokoh yang diwawancara bukan hanya menyumbang cerita, tetapi juga turut menyumbang sebahagian daripada sejarah bangsa yang sedang direkodkan untuk generasi mendatang.

Lebih menarik lagi, buku ini mengaitkan peranan sungai sebagai penghubung budaya dengan konsep pemeliharaan warisan tidak ketara. Sungai Pahang bukan hanya aliran air, tetapi simbol kesinambungan warisan silat. Ia menggambarkan bagaimana budaya Melayu berkembang mengikut arus masa tetapi tetap berpaut pada akar tradisi. Seperti air sungai yang sentiasa mengalir, demikianlah juga warisan silat yang terus hidup dalam masyarakat hari ini.

Di sebalik keindahan bahasanya, karya ini membawa mesej penting bahawa silat perlu dilihat bukan semata-mata sebagai seni bela diri, tetapi sebagai simbol maruah dan identiti bangsa Melayu. Dalam dunia moden yang semakin global, warisan seperti silat menjadi benteng terakhir yang mempertahankan jati diri. Melalui penulisan ini, para penulis bukan sahaja menjejaki sejarah silat, tetapi juga membangkitkan semangat untuk melestarikan seni ini agar tidak pupus ditelan zaman.

Akhirnya, Jejak Silat: Menyusuri Sungai Pahang berdiri sebagai sumbangan besar terhadap usaha pemuliharaan warisan budaya tak ketara negara. Buku ini bukan sekadar catatan tentang silat di Pahang, tetapi juga sebuah pengiktirafan terhadap mereka yang telah berkorban tenaga dan jiwa demi mempertahankan seni pusaka bangsa. Warisan yang mengalir di sepanjang Sungai Pahang ini

akan terus hidup selama mana masih ada generasi yang mencintai budaya dan menghargai asal usulnya.



Oleh: Mohd Azam Muhamad Akhir
E-mel: azam@umpsa.edu.my
Penulis adalah Pensyarah Kanam, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).
Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 207 views

View PDF